

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 11 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pelajar tajaan JPA yang menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia dan bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari 2004 hingga 2013. Nyatakan jumlah mengikut tahun dan pecahan kaum.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar tajaan JPA yang menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia dan bekerja sebagai pegawai Kerajaan dari 2004 hingga 2013 adalah seramai **22,493 orang**. Daripada jumlah tersebut, **20,431 orang** adalah bumiputera dan **2,062 orang** adalah bukan bumiputera.

Sekian. Terima kasih.